

Rukun Negara perlu dipraktik, bukan sekadar dilafaz

Malaysia dibina dengan masyarakat majmuk berlatarbelakangkan pengan agama dan budaya mengikut kepercayaan masing-masing.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan jelas memberikan kebebasan untuk rakyat Malaysia mengamalkan kebebasan beragama. Prinsip pertama Rukun Negara juga menggariskan 'Kepercayaan Kepada Tuhan'.

Selasa lalu, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) merobohkan Kuil Sri Raja Muniswarar di Taman Bersatu di Kuala Kedah, yang dikatakan berusia lebih 50 tahun.

Isu ini dipanaskan pula kenyataan media Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, sehingga menimbulkan suasana tidak selesa dalam kalangan

masyarakat India negara ini.

Apa sekalipun, rumah ibadat mestilah dibina dengan mendapatkan kebenaran kerajaan tempatan terlebih dahulu. Pembinaan rumah ibadat di kawasan persendirian akan menimbulkan pelbagai masalah perundangan serta memberi impak negatif terhadap citra agama yang kian lama diikuti masyarakat Hindu di negara ini.

Nilai Keluhuran Perlembagaan harus dihormati dan diperakui bagi memper-

kukuhkan keamanan dan kesejahteraan negara.

Secara perundangan, jika rujuk Perlembagaan Malaysia, Perkara 149 jelas menyatakan apabila berlaku keadaan mencetuskan ketakutan dalam kalangan masyarakat, ketika tercetusnya kekejaman dan kezaliman terhadap manusia atau harta benda perkara itu akan dilihat sebagai serius.

Prinsip Kedaulatan Undang-undang menekankan negara kita mempunyai undang-undang yang perlu dihormati dan diikuti sebagai rakyat Malaysia.

Untuk itu kerajaan diseru menubuhkan satu Jawatankuasa Penubuhan Rumah Ibadat dengan membabitkan Kementerian Perpaduan Negara bagi mengenali pasti rumah ibadat yang berdaftar dan tidak berdaftar dalam negara.

Satu pangkalan data menyeluruh yang mempunyai maklumat penuh tempat ibadat yang didaftarkan secara sah perlu dibina supaya masalah sebegini tidak berulang lagi.

Dengan adanya pengurusan telus yang bersistematik, masalah sensitif sebegini dapat dielakkan.

Pengurusan holistik dapat mengawal serta memantau isu berbangkit membabitkan tempat ibadat yang tidak mengikut protokol atau undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT).

Setiap masalah berbangkit dapat diselesaikan dengan cara rundingan

yang baik. Dalam konteks di Kedah, Menteri Besar sewajarnya mengamalkan sikap terbuka menangani masalah sensitif sebegini.

Pendekatan bersikap keras akan mengeruhkan agenda pemupukan kesepa- duan sosial yang mendorong suasana lebih tegang sehingga memudaratkan hubungan etnik di negara ini.

Jika pemimpin menerapkan nilai kesopanan dan kesusilaan dalam karakter harian mereka, lebih banyak isu dapat diselesaikan tanpa sebarang masalah.

Negara mempunyai undang-undang, pada masa sama sikap toleransi yang kita amalkan menjadi asas perpaduan kukuh selari pembangunan negara.

Tanpa berhati-hati menguruskan dan menangani isu sebegini, kesilapan dan sikap gelojoh akan memudaratkan perpaduan serta keamanan negara.

Sekali lagi ditegaskan, pengurusan rumah ibadat pula perlu mengikut tatacara serta garis panduan ditetapkan pihak berkuasa. Kita mesti ingat lima prinsip Rukun Negara perlu menjadi pegangan hidup dalam membina negara maju selari pembangunan dunia.

Kebelakangan ini, boleh dilihat kurangnya penghayatan Rukun Negara dalam masyarakat apabila ada sahaja isu tidak menghormati Jata Negara, bendera dipasang secara terbalik, Jalur Gemilang dihitamkan dan isu lain yang menyentuh sensitiviti semangat kenegaraan.

18/12/2020 m/s: 11
Jika benar rakyat kita memahami dan menghayati serta beramal dengan Rukun Negara, nescaya isu sebegini tidak akan terjadi.

Kita wajar mengenang contoh amalan prinsip kesetiaan kepada raja dan negara yang dijemakan barisan negarawan seperti Tun VT Sambanthan, Tun Tan Cheng Lock, Kolonel HS Lee, Tok Gajah, Mat Kilau dan Datuk Maharaja Lela.

Mereka mempunyai satu titik persamaan iaitu semangat cintakan tanah air. Mereka meletakkan negara sebagai keutamaan, sebab itu negara dapat mencapai merdeka dan maju ke hadapan.

Jika dikaji, bagaimana mereka boleh mencapai titik persamaan itu, asasnya ialah dengan menerapkan nilai Rukun Negara dalam diri anak muda dan mengamalkannya.

Jelas sekali, Rukun Negara hendaklah dijadikan panduan sebagai alat perpaduan kaum. Rakyat jangan hanya tahu melafaz, sebaliknya perlu menghayati dan mempraktikkannya.

Ingatlah, pencapaian membanggakan negara hari ini disebabkan satu perkara, iaitu kesanggupan rakyatnya yang berbilang kaum bersatu di bawah satu identiti dan nilai yang sama demi kemakmuran serta kesejahteraan sejagat.

Penulis adalah Felo Penyelidik
Majlis Belia Malaysia



Sivanesan
Tamil
Selvam